



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA
HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 35

15hb Ogos 1991

TAMBAHAN No. 62

No. 17

PERUNDANGAN (A)

P.U.(A) 298.

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TETAP (PENCEN,
GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN) (PINDAAN) 1991**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187 Akta Angkatan Tentera 1972, *Akta 77.*
Majlis Angkatan Tentera, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan –
peraturan berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap *Tajuk dan mula*
(Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) (Pindaan) 1991, dan hendaklah mula berkuatkuasa *berkuatkuasa*
pada 15hb Ogos 1991.
2. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah- *Pindaan*
Faedah Lain) 1982, yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini *peraturan 2 P.U*
adalah dipinda- *(A) 123. 82*
3. Perenggan (2) peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda- *Pindaan*
Peraturan 20
4. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda *Pindaan*
Peraturan 22
5. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda *Pindaan*
Peraturan 24
6. Peraturan 44 Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda *Pindaan*
Peraturan 44

Bertarikh pada 7hb Ogos 1991.

DATUK NASRUDDIN BIN BAHARI
Setiausaha Kepada Majlis
Angkatan Tentera



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 26

29hb April 1982

TAMBAHAN No. 24

No. 9

PERUNDANGAN (A)

P.U.(A) 123.

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TETAP (PENCEN,
GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN) 1982**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERUNTUKAN AM

Peraturan

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Pegawai Pencen.
4. Pangkat-pangkat yang bersamaan dalam Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.
5. Pencen, dsb bukan hak mutlak.
- 6A. Pencen perkhidmatan atau pencen terbitan serendah-rendahnya.
- 6B. Pemberian pencen, dll.
7. Pencen, dll hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan.

Peraturan

8. Diberhentikan atau dikurangkan pencen, dll. Kerana menyembunyikan fakta-fakta dengan sengaja.
9. Pencen, dll. tidak boleh diserahkan.
10. Pencen, dll. terhenti
11. Pencen, dll. hendaklah terhenti apabila disabitkan.
12. Award sementara jika amaun pencen, dll. belum dapat ditentukan.
13. Pembayaran tanpa probet atau surat mentadbir pesaka.
14. Tempoh-tempoh perkhidmatan dikira sebagai perkhidmatan yang diakui.
15. Perkhidmatan yang tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh diakui:
16. Memulang balik faedah persaraan.

17. Memulang balik caruman majikan dan bunganya kepada mana-mana kumpulan wang simpanan.
18. Faedah dua kali tidak boleh dibayar bagi tempoh perkhidmatan yang sama.
19. Pengumpulan cuti.
20. Persaraan paksa bagi pegawai-pegawai.
21. Persaraan pilihan bagi pegawai-pegawai.

BAHAGIAN II
PENCEN DAN GANJARAN PERKHIDMATAN

22. Kadar pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan bagi pegawai-pegawai bertauliah tetap.
23. Bersara kerana salah laku oleh pegawai bertauliah tetap.
24. Kadar pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan bagi askar-laskar.
25. Ganjaran tamat perkhidmatan bagi pegawai bertauliah jangka pendek.
26. Penamatan
27. Kadar pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan jangka pendek bagi pegawai bertauliah jangka pendek.
28. Faedah tamat perkhidmatan apabila tamat perkhidmatan atas alasan-alasan perubahan bagi pegawai bertauliah jangka pendek.
29. Pemberian tauliah tetap.

BAHAGIAN III
FAEDAH HILANG UPAYA

Peraturan

30. Pemberian pencen hilang upaya.
31. Hak jika hilang upaya dituntut selepas tamat perkhidmatan.
32. Menentukan darjah hilang upaya.
33. Kadar pencen hilang upaya.
34. Ganjaran hilang upaya bagi hilang upaya kecil.
35. Pangkat atau status bagi faedah hilang upaya.
36. Elaun pelajaran.
37. Elaun layanan sentiasa.
38. Elaun-elaun dalam masa rawatan.
39. Perbelanjaan perubatan.
40. Keengganan menerima rawatan.

BAHAGIAN IV
FAEDAH KEMATIAN

41. Pemberian faedah kematian.
42. Award atas kematian pegawai bertauliah tetap.
43. Award atas kematian pegawai bertauliah jangka pendek.
44. Award atas kematian askar-laskar.
- 44A. Pangkat dan gaji bagi menentukan pencen orang tanggungan dan ganjaran orang tanggungan.
45. Tempoh pembayaran pencen terbitan.
46. Pengumpulan pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain.
47. ganjaran terbitan yang kena dibayar kepada wakil diri di sisi undang-undang jika tidak ada orang tanggungan.
48. Pemberhentian pencen terbitan.
49. Elaun pelajaran.

BAHAGIAN V
PENYELARASAN PENCEN, GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN

- 50. Pemakaian peruntukan-peruntukan penyelarasan.
- 51. Tafsiran.
- 52. Kelayakan kemastautinan.
- 53. Menentukan gaji bersamaan dengan gaji akhir diterima.
- 54. Menyelaraskan pencen perkhidmatan dan pencen terbitan.

Peraturan

- 55. Menyelaraskan pencen atau faedah-faedah lain bagi pegawai bertauliah jangka pendek yang bersara atau mati sebelum 1hb Januari 1976 dan orang-orang tanggungan mereka.
- 56. Menyelaraskan kuantum selepas kematian anggota.
- 57. Menyelaraskan pencen hilangupaya.
- 58. Menyelaraskan pencen orang tanggungan.
- 59. Pencen perkhidmatan dan pencen terbitan serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh.
- 60. Rekod tak cukup untuk menentukan kuantum.
- 61. Elaun yang dibayar secara pentadbiran hendaklah terhenti.
- 62. pemilihan pencen.

SUSUNAN 1

Susunan pangkat-pangkat yang bersamaan dalam Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

SUSUNAN 2

Kadar bulanan pencen hilangupaya

SUSUNAN 2A

Kadar bulanan pencen hilangupaya pegawai dan askar-laskar.

SUSUNAN 3

Ganjaran yang boleh dibayar bagi kecederaan kecil tertentu.

SUSUNAN 4

Kadar Ganjaran yang boleh dibayar bagi hilangupaya yang ditafsirkan kurang daripada 20%, yang bukan kecederaan kecil tertentu.

SUSUNAN 5

Tafsiran hilangupaya disebabkan kecederaan tertentu dan lain-lain hilangupaya.

SUSUNAN 6

Kadar pencen orang tanggungan: Askar -laskar.

SUSUNAN 7

Kadar ganjaran orang tanggungan: Askar-laskar.

SUSUNAN 8

Kadar dan syarat pemberian pencen orang tanggungan.

SUSUNAN 9

Kadar pencen orang tanggungan :Pegawai

SUSUNAN 10

Kadar ganjaran orang tanggungan:Pegawai

AKTA ANGKATAN TENTERA 1972

PERATURAN –PERATURAN ANGKATAN TETAP (PENCEN, GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN)1982

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187 Akta Angkatan Tentera 1972, Majlis Angkatan Tentera, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat Peraturan – peraturan berikut:

Akta 77.

**BAHAGIAN I
PERUNTUKAN AM**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 dan tertakluk kepada perenggan (2) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976 melainkan jika diperuntukan dengan nyata selainnya.

Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Bahagian V Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula bagi anggota Angkatan Tetap pada 1hb Julai 1980.

(3) Peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan dipakai bagi anggota-anggota Angkatan Tetap dan orang-orang tanggungan mereka.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

Tafsiran.

“Akta” ertinya Akta Angkatan Tentera 1972;

“Anak” ertinya anak anggota yang mati-

- (a) yang berumur kurang daripada 21 tahun dan termasuk-
 - (i) anak yang lahir selepas kematian bapanya, anak tiri tanggungan, atau anak tak sahtaraf yang dikandung sebelum kematian anggota itu; dan
 - (ii) anak yang diambil sebagai anak angkat sebelum kematian anggota itu sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis, ada atau kelaziman ataupun tidak; atau
- (b) tidak kira berapa umurnya yang cacat otak atau hilangupaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tak berupaya menanggung nafkahnya sendiri;

“anggota” ertinya pegawai atau askar-laskar dalam Angkatan Tetap;

“Angkatan Tetap” ertinya Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia;

“askar-laskar” ertinya mana-mana orang, lain daripada pegawai, yang didaftarkan dalam Angkatan Tetap di bawah Akta”

“balu” atau “duda” ertinya suami atau isteri yang masih hidup kepada anggota yang mati yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat, atau kelaziman;

“kecederaan” termasuklah luka atau penyakit;

“faedah persaraan” ertinya pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain tamat perkhidmatan termasuk bayaran-bayaran tindan dan saguhati serta caruman Kerajaan atau Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang dibayar kepada mana-mana kumpulanwang simpanan mengenai sesuatu perkhidmatan yang boleh dimasukira berserta dengan bunga, jika ada;

“gaji akhir yang diterima” ertinya gaji hakiki bulanan yang akhir diterima sebenarnya (Pind. 1991) oleh seseorang anggota bersesuaian dengan pangkat hakikinya atau, dalam ini perenggan perenggan 7, dan (8) peraturan 24 dan perenggan (18) peraturan 44, gaji hakiki bulanan yang akan diterima sebenarnya yang dibayar oleh organisasi itu kepada anggota itu semasa dia tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti skim perkhidmatan’.

“hilangupaya” ertinya kebencanaan atau kerosakan pada jasmani atau otak, atau kehilangan keupayaan jasmani atau otak;

“ibubapa” berhubung dengan anggota yang telah mati, ertinya-

- (a) orang yang baginya anggota itu adalah anak sahtarafnya; atau
- (b) orang yang telah mengambil anggota itu sebagai anak angkat; atau
- (c) orang atau suami atau isterinya yang bertindak sebagai ibubapa kepada anggota itu dan menanggung nafkah anggota tersebut dengan sepenuh atau pada sebahagian besarnya selama tempoh 5 tahun (atau bagi tempoh yang kurang dari itu sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera dalam keadaan yang dikecualikan semasa anggota itu belum dewasa;

Dengan syarat bahawa jika berlaku pertikaian maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Majlis Angkatan Tentera untuk keputusan muktamad;

“orang tanggungan” ertinya-

- (a) balu;
- (b) mulai dari 1hb Januari 1976, duda yang hilangupaya secara kekal sama ada dari segi otak atau tubuh badan dan tak berupaya menanggung nafkahnya sendiri pada masa kematian anggota perempuan itu;
- (c) mulai dari 1hb Julai 1980, duda kepada anggota perempuan yang berada dalam perkhidmatan pada atau selepas tarikh itu dan mati pula selepas itu;
- (d) anak; dan
- (e) ibu atau bapa tidak kira berapa umurnya yang memerlukan wang;

“pegawai” ertinya pegawai dalam Angkatan Tetap yang dilantik oleh Majlis Angkatan Tentera atau yang memegang tauliah Yang Di-Pertuan Agong tetapi tidak termasuk orang yang diberi tauliah kehormat;

“perkhidmatan” ertinya perkhidmatan sebagai pegawai atau askar-laskar dengan Angkatan Tetap kecuali diperuntukkan dengan nyata selainnya;

“perkhidmatan diakui” ertinya perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan yang diakui di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“Organisasi” termasuklah suatu badan, suatu perbadanan dan mana-mana subsidiari (Pind. 1991) badan, perbadanan atau organisasi tersebut.

“rawatan” institusi yang diluluskan” ertinya rawatan yang diluluskan di dalam hospital atau institusi yang seumpamanya;

“rawatan yang diluluskan” ertinya suatu rangkaian rawatan perubatan pembedahan atau pemulihan yang diperakui yang mana seseorang anggota patut dapat akibat dari apa-apa kehilangan supaya yang mengenainya suatu award mungkin dibuat atau telahpun dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini, tetapi tidak termasuk apa-apa rawatan yang tidak melibatkan, atau hanya kadangkala sahaja melibatkan, terputusnya pekerjaan biasa anggota itu;

“skim perkhidmatan” ertinya skim perkhidmatan yang terpakai kepada seseorang askar-laskar sebelum sahaja tarikh dia berhenti atau disifatkan berhenti daripada perkhidmatan dan termasuklah apa-apa skim perkhidmatan tersema tersebut. (Pind. 1991)

“suami isteri” ertinya isteri atau suami kepada anggota yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelazimana.

3. Majlis Angkatan Tentera boleh melantik seorang Pegawai Pecen untuk mentadbirkan Peraturan-Peraturan ini. *Pegawai Pecen.*
4. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, pangkat-pangkat yang bersamaan dalam Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam Susunan 1. *Pangkat-pangkat yang bersamaan dalam Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara..*
5. Tiada seorangpun anggota atau mana-mana orang lain mempunyai hak mutlak terhadap pampasan kerana khidmat yang lalu atau terhadap apa-apa pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah Peraturan-Peraturan ini. *Pecen, dsb bukan hak mutlak..*
- 6A Pecen perkhidmatan atau pecen terbitan yang diberi berkenaan dengan persaraan pada atau selepas 1hb Julai 1980 yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan diakui selama tidak kurang daripada 25 tahun bagi pegawai dan 21 tahun bagi askar-laskar tidaklah boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditentukan oleh Yang di-Petuan Agong dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta. *Pecen Perkhidmatan atau pecen terbitan serendah-rendahnya..*
- 6B Majlis Angkatan Tentera boleh, mengikut peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini, memberi pecen, ganjaran dan faedah-faedah lain kepada anggota-anggota Angkatan Tetap atau orang-orang tanggungan mereka atau, jika tidak ada orang tanggungan, ganjaran itu, jika ada, boleh diberi kepada wakil-wakil mereka yang sah disisi undang-undang. *Pemberian Pecen, dll.*
7. Pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain yang diberi di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan. *Pecen, dll hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan.*
8. Majlis Angkatan Tentera boleh menghentikan atau mengurangkan award pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain jika ianya ditunjukkan sebagai telah diperolehi secara menyembunyikan fakta-fakta dengan sengaja atau sebagai telah diawardkan tanpa mengetahui fakta-fakta yang mana, jika fakta-fakta itu diketahui sebelum anggota itu bersara atau berhenti, akan mematu ia dibuang atau diturunkan gajinya. *Diberhentikan atau dikurangkan pecen, dll kerana menyembunyikan dengan fakta-fakta sengaja.*
9. Apa-apa pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain yang diberi di bawah Peraturan - Peraturan ini tidak boleh diserahkan atau dipindah milik atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud-
- (a) menjejaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri atau Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan; atau
 - (b) menunaikan perintah Mahkamah berkenaan dengan pembayaran wang berkala sebagai nafkah kepada isteri atau bekas isteri atau anak belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, anggota yang mana pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain telah diberikan.
10. (1) Seseorang anggota tidak boleh diberi pecen, ganjaran atau faedah-faedah lain jika pada tarikh dia bersara atau berhenti dari Angkatan Tetap. *Pecen dll.. terhenti apabila bankrap.*
- (a) Dia telah dihukum menjadi bankrap atau diisytiharkan sebagai tak

berkemampuan oleh Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain;
dan

- (b) dia belum lagi mendapat pelepasan daripada hukuman atau perisytiharan itu.
- (2) Pencen atau faedah-faedah lain yang diberi di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada seseorang anggota yang kemudiannya pula dihukum menjadi bankrap atau diisytiharkan sebagai tak berkemampuan oleh Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, hendaklah terhenti dengan serta-merta.
- (3) Majlis Angkatan Tentera boleh memberi elaun tanggungan nafkah kepada, dan untuk nafkah atau faedah, pesara itu isteri atau anaknya, jika pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain tidak diberi di bawah perenggan (1), atau terhenti di bawah perenggan (2), dan elaun itu hendaklah setara dengan pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain yang pesara itu sepatutnya berhak mendapat jika dia tidak menjadi bankrap atau tak berkemampuan.
- (4) Bagi maksud perenggan 93), wang yang digunakan bagi menjelaskan hutang-hutang pesara itu hendaklah dianggapkan sebagai telah digunakan bagi faedahnya.
- (5) Jika seseorang itu mendapat pelepasan daripada kebangkrapan atau tak berkemampuannya, maka pencen atau faedah-faedah lain hendaklah diberi semula kepadanya mulai dari tarikh pelepasan itu.

11 (1) Tertakluk kepada perenggan (2), jika mana-mana orang yang telah diberi pencen atau faedah-faedah lain di bawah Peraturan-Peraturan ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesutau tempoh oleh Mahkamah, maka pencen atau faedah-faedah lain itu hendaklah terhenti dengan sert

*Pencen, dll.
hendaklah terhenti
apabila
disabitkan.*

(2) Pencen atau faedah-faedah lain di bawah perenggan (1) itu hendaklah diberi semula dengan kuatkuasa kebelakangan bagi seseorang yang selepas disabitkan mendapat pengampunan pula.

(3) Jika pencen atau faedah-faedah lain terhenti di bawah perenggan (1), Majlis Angkatan Tentera boleh memberi elaun tanggungan nafkah yang setara dengan semua atau mana-mana bahagian daripada wang yang pesara itu sepatutnya berhak mendapat sebagai pencen atau faedah-faedah lain yang difikirkannya patut kepada suami atau isteri atau anak-anak pesara untuk nafkah atau faedah mereka atau, selepas tamat tempoh hukumannya juga bagi faedah pesara itu sendiri.

12. Jika pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain hendak diberi tetapi amaunnya belum dapat ditentukan selepas sahaja anggota itu bersara, berhenti atau mati, maka Majlis Angkatan Tentera boleh memberi kepada anggota itu atau orang-orang tanggungannya award sementara sebelum penentuan itu dibuat.

*Award
Sementara jika
amaun pencen, dll
belum dapat
ditentukan.*

13. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan jika seseorang pesara yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah Peraturan-peraturan ini mati sebelum pembayaran itu dibuar dan amaun itu masih belum dibayar, maka amaun yang belum dibayar itu boleh, mengikut budibicara Majlis Angkatan Tentera dibayar kepada orang-orang tanggungan di bawah Peraturan-Peraturan itu tanpa probet atau surat mentadbir pesaka.

*Pembayaran
tanpa probet atau
surat mentadbir
pesaka..*

(2) Bagi maksud peraturan ini “belum dibayar” ertinya belum dibayar oleh Kerajaan atau dikeluarkan oleh pesara.

14. Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, tempoh-tempoh perkhidmatan yang berikut hendaklah dikira bagi maksud pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain-

*Tempoh-tempoh
perkhidmatan
dikira sebagai
perkhidmatan
diakui.*

- (a) tempoh perkhidmatan bergaji penuh dalam Angkatan Tetap;
- (b) tempoh perkhidmatan giat sebagaimana ditakrifkan dalam Akta, sepanjang mana lucuthak gaji telah diawardkan oleh mahkamah tentera atau pihak berkuasa atasan yang berkenaan atau pegawai pemerintah askar-laskar itu;

- (c) tempoh perkhidmatan bergaji penuh dalam Angkatan Tentera Persekutuan Tentera Laut Diraja Tanah Melayu, Tentera Udara Diraja Tanah Melayu dan Angkatan Tentera Laut Tanah Melayu;
- (d) tempoh latihan sebagai pegawai kadet atau rekrut;
- (e) tempoh perkhidmatan sepanjang mana anggota telah bercuti tanpa gaji yang diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera atas sebab-sebab kemuslihatan awam;
- (f) tempoh sepanjang mana anggota telah dipinjamkan atau ditukarkan sementara ke pejabat lain dalam Perkhidmatan Awam di Malaysia atau perkhidmatan dengan badan awam atau di tempat lain sebagaimana diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera;
- (g) tempoh perkhidmatan bergaji penuh sebagai pegawai atau askar-laskar dalam perjawatan kakitangan tetap dalam Askar Wataniah Malaysia atau dalam perkhidmatan sepenuh masa dalam angkatan sukarela;
- (h) tempoh perkhidmatan diakui dalam Angkatan Tentera Singapura dan dalam mana-mana Angkatan Baginda Queen Britain sebagaimana diputuskan oleh Majlis Angkatan Tentera sebagai boleh diakui dengan syarat anggota itu didaftarkan atau ditauliahkan ke dalam Angkatan Tetap atau mana-mana angkatan yang disebutkan dalam perenggan (c) sebelum 1hb Januari 1976;
- (i) tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam atau Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan yang boleh dimasukirakan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen dengan syarat bahawa-
 - (1) pemberhentian dari perkhidmatan itu yang menjadi satu syarat untuk memasuki Angkatan Tetap sebelum 8hb April 1980 tidaklah dianggap sebagai terputusnya perkhidmatan diakui; atau
 - (2) pelepasan telah didapati dari perkhidmatan itu untuk memasuki Angkatan Tetap pada atau selepas 8hb April 1980.

Akta 227.
Akta 239.

15. Tempoh-tempoh perkhidmatan yang berikut tidak dikira sebagai perkhidmatan diakui-

- (a) apa-apa tempoh cuti tanpa gaji, lain daripada cuti tanpa gaji yang diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera atas alasan-alasan kemuslihatan awam;
- (b) apa-apa tempoh absen tanpa kebenaran selama 6 hari atau lebih dan gaji dilucuthak pada sesuatu masa tertentu;
- (c) apa-apa tempoh kurungan dalam bilik tahanan pengawal, bilik tahanan barek, barek tahanan perkhidmatan atau penjara sivil selama tempoh 8 hari atau lebih dan gaji dilucuthak pada sesuatu masa tertentu;
- (d) tempoh tangkapan rapi di mana gaji dilucuthak semasa menunggu penyelesaian atas-
 - (i) kesalahan absen tanpa kebenaran;
 - (ii) tempoh tahanan; atau
 - (iii) hukuman penjara;
- (e) apa-apa tempoh perkhidmatan tak diakui di bawah Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.
- (f) apa-apa tempoh perkhidmatan diakui yang telah diberi faedah persaraan melainkan jika Majlis Angkatan Tentera membenarkan perkhidmatan yang lalu itu diakui dan tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam peraturan 16;
- (g) apa-apa tempoh perkhidmatan sepanjang mana anggota yang ada mendapat pencen dikerah untuk berkhidmat daripada Angkatan Simpanan Tetap di bawah seksyen 190 Akta;
- (h) tempoh perkhidmatan yang telah dilucuthak di bawah perenggan (1) seksyen kecil (2) seksyen 90 dan seksyen 100 Akta melainkan jika telah dipulihkan semula;
- (i) apa-apa tempoh perkhidmatan sebelum dibuang atau berhenti dari Angkatan Tetap melainkan jika diluluskan selainnya oleh Majlis Angkatan

Perkhidmatan yang tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh diakui.

- Tentera; atau
(j) tempoh perkhidmatan semasa di bawah umur 18 tahun.

16. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, jika tempoh perkhidmatan telah diberi faedah persaraan dan tempoh itu hendaklah diambilkira sebagai perkhidmatan diakui, anggota itu hendaklah melucutkan hak atau memulangkan balik kepada Kerajaan Persekutuan apa-apa faedah persaraan yang telahpun dibayar kepadanya sebelum apa-apa faedah di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh diberi. Majlis Angkatan Tentera boleh menentukan tempoh selama mana bayaran balik itu boleh dibuat kepada Kerajaan Persekutuan.

Memulangkan balik faedah persaraan.

(2) Pencen, jika ada, mengenai apa-apa perkhidmatan yang telah dibayar faedah persaraan yang tidak dibenar diakui hendaklah terus dibayar kepada anggota itu.

17. Apa-apa caruman yang dibayar oleh majikan caruman sepanjang tempoh perkhidmatan diakui seseorang anggota kepada mana-mana kumpulan wang simpanan berserta bunga yang terakhir hendaklah dipulangkan balik kepada Kerajaan Persekutuan.

Memulangkan balik caruman majikan dan bunganya kepada mana-mana kumpulan wang simpanan..

18. Jika apa-apa tempoh perkhidmatan bukan dalam Angkatan Tetap diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan diakui bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, anggota itu hendaklah disifatkan sebagai telah melucutkan haknya ke atas apa-apa pencen, ganjarannya atau faedah-faedah lain yang mungkin telah terakhir kepadanya bagi tempoh perkhidmatan itu dibawah mana-mana undang-undang pencen yang berkenaan dengannya.

Faedah dua kali tidak boleh dibayar bagi tempoh perkhidmatan yang sama.

19. (1) Jika disebabkan desakan perkhidmatan seseorang anggota tidak dapat mengambil cuti rehat tahunannya, ia boleh dibenar mengumpulkan sehingga sebanyak setengah daripada kelayakan cuti rehatnya itu, tetapi tertakluk kepada maksimum sebanyak lima belas hari dalam setahun dan, apabila ia bersara atau mati, dan pencen yang kena dibayar kepada anggota atau tanggungannya ia boleh diawardkan wang tunai setara dengan 1/30 daripada gaji yang akhir diterima olehnya tidak bagi tiap-tiap hari cuti bergaji yang dikumpulkan itu sehingga maksimumnya sebanyak sembilan puluh hari; atau

Pengumpulan Cuti.

(2) Anggota yang telah mencapai umur empat puluh ahun pada 1hb Januari 1974 boleh menukarkan cuti dikumpulkan itu sehingga tempoh maksimumnya sebanyak 180 hari sebagai perkhidmatan diakui.

20. (1) Kecuali sebagaimana dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong, seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan apabila mencapai umur persaraan paksa yang sesuai dengan pangkatnya seperti berikut-

Persaraan paksa bagi pegawai.

Pangkat	Umur Dalam Tahun	
	Lelaki	Perempuan
(a) <i>Senarai Tugas Am/Khas</i>		
Kolonel dan ke atas	55	55
Leftenan Kolonel	52	52
Mejar	50	50
Kapten dan ke bawah	45	45
(b) <i>Senarai Tugas Professional</i>		
Semua Pangkat	55	55

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki pegawai supaya bersara dari perkhidmatan -

- (a) apabila atau selepas mencapai umur persaraan pilihan yang sesuai dengan pangkatnya seperti berikut:

Pangkat	Umur Dalam Tahun	
	Lelaki	Perempuan
(i) <i>Senarai Tugas Am/Khas</i>		
Kolonel dan ke atas	50	45
Leftenan Kolonel	47	45
Mejar	45	45
Kapten dan ke bawah	40	40
(ii) <i>Senarai Tugas Professional</i>		
Semua Pangkat	50	45: atau

- (b) dalam hal keadaan khas jika ia berpangkat Brigadier Jeneral atau ke atas walaupun ia belum mencapai umur persaraan paksa yang ditetapkan dalam perenggan (1) atau umur persaraan pilihan yang diisyaratkan dalam perenggan kecil (a) di atas; atau
- (c) atas alasan-alasan perubatan jika ia diperakui oleh Lembaga Perubatan sebagai tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya oleh sebab keuzuran otak atau tubuh badan yang mungkin kekal, sama ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau selainnya; atau
- (d) oleh kerana tidak ada jawatan yang sesuai atau tidak ada harapan untuk naik pangkat atau oleh kerana diatasi disebabkan oleh tidak sesuai atau tidak cekap, bukan di dalam kawalannya sendiri; atau
- (e) oleh kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain di dalam kawalannya sendiri tetapi tidak terjumlah kepada salahlaku; atau
- (f) untuk kepentingan perkhidmatan apabila dipertuduh atas suatu kesalahan yang tidak mengakibatkan ia disabitkan; atau
- (g) oleh kerana salahlaku; atau
- (h) pada bila-bila masa jika pada pendapat Yang di-Pertuan Agong hal-keadaan kes itu memerlukan; atau ; dan (Pind. 1991)
- (i) Apabila dilantik dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera untuk berkhidmat dalam mana-mana organisasi walau bagaimana dibentuk dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri ada kepentingan di dalamnya. (Pind. 1991)

21 Yang di-Pertuan Agong boleh, atas permohonan seseorang pegawai bertauliah tetap, membenarkan pegawai itu bersara apabila atau selepas mencapai umur yang disyaratkan dalam perenggan kecil (a) perenggan (2) peraturan 20.

BAHAGIAN II PENCEN DAN GANJARAN PERKHIDMATAN

22. (1) (a) Pencen perkhidmatan bagi pegawai bertauliah tetap hendaklah dihitung berdasarkan formula yang berikut-

$$\frac{1}{600} \times \text{jumlah bulan genapnya perkhidmatan diakui} \times \text{gaji yang akhir diterima tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir diterima}$$

(2) Pegawai bertauliah tetap yang bersara di bawah perenggan 1 dan perenggan 2(a) peraturan 20 dan peraturan 21 boleh, apabila bersara, diberi-

- (a) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui; atau
- (b) ganjaran tamat perkhidmatan yang dikira mengikut kadar 15 peratus daripada gaji yang akhir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui apabila genap perkhidmatan diakui kurang daripada sepuluh tahun.

Kadar Pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan bagi pegawai-pegawai bertauliah tetap.

(3) Jika pegawai yang berpangkat Brigadier Jeneral atau ke atas adalah dikehendaki bersara di bawah perenggan kecil (b) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan yang hendaklah dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan yang ia patut berkhidmat jika ia bersara semasa mencapai umur persaraan paksa.

(4) Jika pegawai bertauliah tetap bersara di bawah perenggan kecil (c) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan dengan syarat bahawa jika persaraan itu jatuh pada atau selepas 1hb Julai 1980, pencen yang kena dibayar tidaklah boleh kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu.

(5) Jika pegawai bertauliah tetap bersara di bawah perenggan kecil (d) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh, apabila bersara diberi-

- (a) apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui-
 - (i) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan atau
 - (ii) ganjaran tamat perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak kurang daripada 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui; atau
- (b) apabila genap kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui, ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar 15 peratus dariada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

(6) Jika pegawai bertauliah tetap bersara di bawah perenggan (e) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh diberi-

- (a) apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan di akui-
 - (i) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 90 peratus daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan mengikut hitungan di bawah perenggan (1) peraturan ini; atau
 - (ii) ganjaran tamat perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak kurang daripada 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui; atau
- (b) apabila genap kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui, ganjaran ihsan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 15 peratus daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan diakui.

(7) Jika pegawai bertauliah tetap bersara di bawah perenggan kecil (f) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui diberi-

- (a) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 80 peratus pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan; atau
- (b) ganjaran tamat perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera.

(8) Jika pegawai bertauliah tetap bersara di bawah perenggan kecil (h) perenggan (2) peraturan 20, ia boleh apabila bersara-

- (a) apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui diberi-
 - (i) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan; atau
 - (ii) seperatusan daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera; atau

(iii) ganjaran tamat perkhidmatan sahaja mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera; atau

- (b) apabila genap kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui, diberi-
- (i) ganjaran tamat perkhidmatan yang dihitung mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan diakui; atau
 - (ii) seperatusan daripada ganjaran tamat perkhidmatan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera dalam perenggan kecil (b) perenggan 8 peraturan ini.

(9) Jika seseorang pegawai bertauliah tetap bersara di bawah subperenggan (i) perenggan (2) peraturan 20, dia bolehlah diberi oleh Majlis Angkatan Tentera- (Pind. 1991)

- (a) Apabila genap tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui-
 - (i) Pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan; atau
 - (ii) Ganjaran tamat perkhidmatan pada suatu kadar yang Majlis Angkatan Tentera boleh tentukan tetapi, walau bagaimanapun, tidak kurang daripada lima belas peratus daripada gaji yang terkahir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui; atau
- (b) Apabila genap kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan diakui, ganjaran tamat perkhidmatan dikira pada kadar lima belas peratus daripada gaji terakhir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

23. Jika Yang di-Pertuan Agong menghendaki seseorang pegawai bertauliah tetap bersara daripada perkhidmatan di bawah perenggan kecil (g) perenggan (2) peraturan 20 pegawai itu boleh dalam hal keadaan peringanan setelah genap tidak kurang dari sepuluh tahun perkhidmatan diakui, diberi ganjaran ihsan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 90 peratus daripada ganjaran tamat perkhidmatan yang dikira mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

Bersara kerana salahlaku oleh pegawai bertauliah tetap.

24. (1) (a) Pencen perkhidmatan bagi askar-laskar hendaklah dihitung berdasarkan formula yang berikut-

$1/504 \times \text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui} \times \text{gaji akhir yang diterima}$ tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir yang diterimanya.

Kadar pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan bagi askar-laskar.

- (b) Ganjaran perkhidmatan bagi askar-laskar hendaklah dihitung berdasarkan formula yang berikut-

$1/20 \times \text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui} \times \text{gaji akhir yang diterima}.$

(2) Askar-laskar yang telah genap tempoh tidak kurang daripada 21 tahun perkhidmatan diakui boleh, apabila ia berhenti, diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan.

(3) Jika askar-laskar yang diperakui dengan sempurnanya oleh Lembaga Perubatan sebagai tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya oleh sebab keuzuran otak atau tubuh badan yang mungkin kekal, boleh apabila berhenti diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan dengan syarat bahawa jika pemberhentian itu jatuh pada atau selepas 1hb Julai 1980, pencen yang kena dibayar tidaklah boleh kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir yang diterima oleh askar-laskar itu.

(4) Askar-laskar yang didaftarkan sebelum 1hb Ogos 1972 dan tidak layak mendapat pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan boleh, sebaik sahaja ia berhenti setelah genap tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan diakui-

- (a) sebelum 1hb Oktober 1977, diberi ganjaran tamat perkhidmatan mengikut

kadar 10 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui; atau

- (b) pada atau selepas 1hb Oktober 1977, diberi selain dari faedah di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar 10 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya sejurus sebelum 1hb Oktober 1977 bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui sebelum tarikh itu, berserta bunga yang terkumpul pada tiap-tiap tahun selepas tarikh itu, mengikut kadar dividen yang diumumkan pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Akta 101

(5) (a) Jika askar-laskar berhenti kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain dalam kawalannya sendiri ia boleh, apabila genap tidak kurang daripada 21 tahun perkhidmatan diakui, diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi; walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 95 peratus daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan.

- (b) Jika askar-laskar yang didaftarkan sebelum 1hb Ogos 1972 diberhentikan kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain dalam kawalannya sendiri ia boleh, apabila genap tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan diakui, diberi award tidak lebih daripada 95 peratus daripada faedah itu yang diberi di bawah perenggan kecil (a) atau (b) perenggan (4), mengikut mana yang berkenaan.

(6) (a) Jika askar-laskar berhenti kerana salah laku atau kerana sesuatu kesalahan yang tidak mengakibatkan ia disabitkan ia boleh, apabila genap tidak kurang daripada 21 tahun perkhidmatan diakui, diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 90 peratus daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan.

(b) Jika askar-laskar yang didaftarkan sebelum 1hb Ogos 1972 diberhentikan kerana ketidakcekapan atau kerana sesuatu kesalahan yang tidak mengakibatkan ia disabitkan ia boleh, apabila genap tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan diakui, diberi award tidak kurang daripada 90 peratus daripada faedah yang diberi di bawah perenggan kecil (a) atau (b) perenggan (4) mengikut mana yang berkenaan.

(7) Jika seorang askar-laskar dilantik dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera untuk berkhidmat dengan mana-mana organisasi, walau bagaimana dibentuk dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri ada apa-apa kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti skim perkhidmatan, dia bolehlah diberikan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan menurut subperenggan (a) dan (b) perenggan (1) peraturan ini adalah genap tempoh dua puluh satu tahun perkhidmatan diakui dan dalam hal sedemikian, apa-apa tempoh perkhidmatan dengan organisasi tersebut dibawah terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti skim perkhidmatan bolehlah dikira bagi maksud, pemberian pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada askar lascar itu.

(8) Seorang askar-laskar yang dilantik dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera untuk berkhidmat dengan mana-mana organisasi walau bagaimana dibentuk sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri ada apa-apa kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti skim perkhidmatan boleh, apabila perkhidmatannya ditamatkan oleh organisasi berkenaan atas alasan kesihatan, diberikan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan dan pencen yang dibayar hendaklah tidak kurang daripada satu perlima daripada gaji terakhir diterima oleh askar-laskar itu; walaupun dia tidak menggenapkan tempoh dua puluh satu tahun perkhidmatan diakui.

(Pind .1991)

25. (1) Pegawai bertauliah jangka pendek boleh-

- (a) apabila genap tempoh perkhidmatannya atau jika tauliah jangka pendek dilanjutkan setelah genap tempoh perkhidmatan yang dilanjutkan itu; atau
 (b) kerana tidak sesuai; atau
 (c) kerana tidak cekap bukanlah kerana sebab-sebab di dalam kawalannya

*Ganjaran
 tamat
 perkhidmatan
 bagi pegawai
 bertauliah
 jangka pendek.*

sendiri; atau

- (d) apabila diperakui oleh Lembaga Perubatan sebagai tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya oleh sebab keuzuran otak atau tubuh badan yang mungkin kekal, sama ada kerana perkhidmatan atau selainnya.

Diberi ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

(2) Pegawai bertauliah jangka pendek boleh, apabila perkhidmatannya ditamatkan oleh kerana ketidakcekapan atau sebab-sebab lain di dalam kawalannya sendiri tetapi tidak terjumlah kepada salahlaku, diberi ganjaran tamat perkhidmatan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaipun, tidak lebih daripada ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

26. Pegawai bertauliah jangka pendek yang perkhidmatannya ditamatkan kerana salahlaku boleh dalam hal keadaan peringanan diberi ganjaran ikhasan mengikut apa-apa kadar sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera tetapi, walaubagaimanapun, tidak lebih daripada 90 peratus daripada ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

Penamatan perkhidmatan kerana salahlaku bagi pegawai bertauliah jangka pendek.

27. (1) Pegawai bertauliah jangka pendek yang telah genap tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan diakui sebagai pegawai dan telah mencapai umur persaraan paksa yang sesuai dengan pangkatnya sebagaimana disenaraikan dalam perenggan (1) peraturan 20 pada atau selepas 1hb Julai 1980 boleh dengan pilihannya sendiri diberi-

Kadar pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan jangka pendek bagi pegawai bertauliah jangka pendek.

- (a) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan jangka pendek setara dengan tiga perempat (3/4) daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan yang lazimnya kena dibayar kepada pegawai bertauliah tetap; atau
- (b) ganjaran tamat perkhidmatan yang dikira mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

28. Jika pegawai bertauliah jangka pendek diberhentikan di bawah perenggan kecil (d) perenggan (1) peraturan 25 pada atau selepas 1hb Julai 1980 ia boleh, apabila tamatnya perkhidmatan pegawai itu, diberi pilihan untuk menerima-

Faedah tamat perkhidmatan apabila tamat perkhidmatan atas alasan-alasan perubatan bagi pegawai bertauliah jangka pendek.

- (a) pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan jangka pendek yang setara dengan tiga perempat (3/4) daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan yang kena dibayar kepada pegawai bertauliah tetap tertakluk kepada pencen minimum sebanyak tiga perempat (3/4) daripada satu perlima (1/5) gaji akhir yang diterima, oleh pegawai itu; atau
- (b) ganjaran tamat perkhidmatan yang dikira mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.

29. Pegawai bertauliah jangka pendek yang kemudiannya pula diberi tauliah tetap dalam Angkatan Tetap tidaklah layak mendapat apa-apa ganjaran tamat perkhidmatan mengenai perkhidmatannya dalam tauliah jangka pendek tetapi perkhidmatannya itu bolehlah diakui dalam pengiraan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan sebagai pegawai tauliah tetap, mengikut peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Pemberian tauliah tetap.

BAHAGIAN III

FAEDAH HILANGUPAYA

30. (1) Majlis Angkatan Tentera boleh, selain dari apa-apa award yang diisytiharkan dalam Bahagian II Peraturan-Peraturan ini, memberi pencen hilangupaya atau ganjaran hilangupaya mengenai hilangupaya seseorang anggota yang diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau disebabkan kemalangan dalam perjalanan yang tidak disebabkan oleh, tidak

Pemberian pencen hilangupaya.

menjadi semakin teruk oleh kerana, atau tidak berpunca dari, kecuaiian atau salah laku anggota itu.

- (2) Bagi maksud Bahagian ini anggota adalah termasuk-
- (a) pegawai kadet yang mana hendaklah disifatkan sebagai prebet bergaji minimum tetapi mulai 1hb Julai 1980 elau pegawai kadet hendaklah disifatkan sebagai gajinya; dan
 - (b) rekrut yang mana hendaklah disifatkan sebagai prebet bergaji minimum.

(3) Apa-apa award yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah berkuatkuasa hanya setelah anggota itu bersara atau berhenti dari perkhidmatan.

(4) Bagi maksud sesuatu award di bawah Bahagian ini, darjah hilangupaya hendaklah ditaksir atas dasar sementara dalam tempoh 7 tahun dari tarikh anggota itu bersara atau berhenti melainkan jika keadaan hilangupaya anggota itu mengizinkan ketentuan muktamad dibuat. Apabila tamat tempoh 7 tahun tersebut itu, Majlis Angkatan Tentera hendaklah mensifatkan hilangupaya itu sebagai muktamad dan keadaan anggota itu tidaklah dikehendaki dikaji semula tetapi anggota itu boleh pada bila-bila masa memohon supaya kehilangan upaya itu dikaji semula.

31. (1) Jika, selepas tamatnya perkhidmatan seseorang anggota, suatu tuntutan dibuat mengenai hilangupaya seseorang anggota, dan hilangupaya itu diperakui oleh Lembaga Perubatan bahawa hilangupaya itu-

Hak jika hilangupaya dituntut selepas tamat perkhidmatan.

- (a) apabila diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan; atau
- (b) didapati sebelum atau telah berbangkit dalam masa perkhidmatan dan telah menjadi dan masih menjadi berat oleh sebab perkhidmatan itu,

maka anggota itu boleh diberi pencen hilangupaya pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera.

(2) Maka tidaklah menjadi tanggungjawab bagi mana-mana pihak menuntut di bawah peraturan ini untuk membuktikan penunaian syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan (1) dan jika ada apa-apa keraguan yang munasabah maka keraguan itu adalah untuk kepentingan pihak menuntut.

(3) Jika kecederaan yang telah membawa kepada keberhentian tidak dicatitkan dalam laporan perubatan yang dibuat atas anggota itu pada permulaan perkhidmatannya, suatu perakuan di bawah perenggan (1) hendaklah diberi melainkan jika keterangan menunjukkan bahawa syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan tersebut tidak ditunaikan.

(4) Jika tidak ada apa-apa catatan dalam rekod rasmi semasa mengenai fakta matang yang menjadi asas tuntutan itu, keterangan-keterangan lain yang boleh dipercayai yang menyokong fakta tersebut boleh diterima.

32. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini, darjah hilangupaya seseorang anggota hendaklah ditaksir dengan membuat perbandingan antara keadaan anggota yang hilangupaya dengan keadaan seseorang yang biasa sihat yang sama umurnya, tanpa mengambilkira keupayaan anggota itu untuk mencari hidup dalam keadaan hilangupaya mengikut tred atau pekerjaan tertentu sendiri atau apa-apa tred atau pekerjaan tertentu yang lain, dan tanpa mengambil kira natijah mana-mana pihak satu faktor atau hal keadaan luar dengan syarat bahawa jika hilangupaya itu disebabkan oleh lebih daripada satu kecederaan, taksiran komposit mengenai darjah hilangupaya hendaklah dibuat dengan memandang kepada natijah semua kecederaan.

Menentukan darjah hilangupaya.

(2) Darjah hilangupaya yang ditaksir seperti tersebut di atas hendaklah diperakui dengan cara peratusan hilangupaya langsung hendaklah dinyatakan dengan 100 peratus (yang mana adalah taksiran maksimum) dan darjah yang kurang daripada itu, dinyatakan peratusan tersebut pada kadar yang sama sebagaimana darjah hilangupaya yang kurang berbanding

dengan hilangupaya langsung. Darjah hilangupaya 20 peratus atau lebih hendaklah diperakui mengikut peratusan gandaan sepuluh, manakala darjah hilangupaya dalam hal-hal bersara atau berhenti dari perkhidmatan pada atau selepas 1hb Julai 1980, yang mana adalah kurang daripada 20 peratus mengenai persaraan atau perkhidmatan hendaklah diperakui mengikut cara yang dikehendaki oleh Susunan 4 sebagaimana sesuai dengan hal itu, kecuali mengenai kecederaan kecil tertentu di mana Susunan 3 hendaklah dipakai.

(3) Jika hilangupaya disebabkan oleh kecederaan yang dinyatakan dalam Susunan 5 atau adalah hilangupaya yang dinyatakan sedemikian, dan, dalam mana-mana satu hal, telah mencapai keadaan tetap, darjah hilangupaya itu hendaklah, jika tidak kelihatan apa-apa keadaan khas, diperakui bagi maksud peraturan ini mengikut peratusan yang dinyatakan dalam Susunan tersebut yang sesuai dengan kecederaan atau kehilangan upaya tersebut.

(4) Jika seseorang anggota telah mendapat kecederaan kecil yang dinyatakan dalam Susunan 4 dan juga hilangupaya-hilangupaya lain yang darjahnya kurang daripada 100 peratus, dan taksiran komposit mengenai darjah hilangupaya dari kedua-dua sebab tidak lebih tinggi daripada taksiran bagi mana-mana hilangupaya yang satu lagi itu sahaja, maka adalah sah di sisi undang-undang diberi kepadanya suatu award di bawah peraturan 32 mengenai kecederaan kecil itu dan juga suatu award di bawah peraturan 31 atau 32 mengenai hilangupaya yang satu lagi itu, mengikut mana yang sesuai.

(5) Darjah hilangupaya yang diperakui di bawah peraturan ini hendaklah menjadi darjah hilangupaya bagi maksud apa-apa award mengenainya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

33. Seseorang anggota yang darjah hilangupaya tidak kurang daripada 20 peratus boleh diaward pencen hilangupaya mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 2 atau kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 2 (A) mengikut mana yang lebih menguntungkan, yang sesuai dengan pangkatnya dan juga dengan darjah hilangupaya dan award itu hendaklah terhenti apabila anggota itu mati.

*Kadar pencen
hilangupaya*

34. (1) Seseorang anggota yang telah mendapat kecederaan kecil tertentu yang darjah hilangupaya adalah kurang daripada 20 peratus pada atau selepas 1hb Julai 1980 boleh diaward ganjaran hilangupaya mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 3 mengikut mana yang sesuai.

*Ganjaran
hilangupaya bagi
hilangupaya kecil.*

(2) Seseorang anggota yang telah mendapat kecederaan kecil yang darjahnya kurang daripada 20 peratus, lain daripada yang dinyatakan dalam Susunan 3, pada atau selepas 1hb Julai 1980, boleh diaward ganjaran hilangupaya mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 4 mengikut mana yang sesuai.

35. Bagi maksud menentukan pencen hilangupaya dan, di mana berkenaan, ganjaran hilangupaya, pangkat yang diambilkira ialah pangkat hakiki yang disandang oleh anggota pada masa ia mendapat hilangupaya itu.

*Pangkat atau
status bagi faedah
hilangupaya.*

36. (1) Elaun pelajaran boleh diaward kepada anak seseorang anggota yang menerima pencen hilangupaya mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 2 di bawah peraturan 33, dengan syarat-

*Elaun
Pelajaran.*

- (a) anak itu telah mencapai umur enam tahun; dan
- (b) hal-keadaan keluarganya memerlukan; dan
- (c) Majlis Angkatan Tentera berpuashati bahawa jenis pelajaran yang sedang diterima atau akan diterima oleh anak itu adalah sesuai bagi anak itu.

(2) Amaun elaun pelajaran di bawah peraturan ini hendaklah ditentukan oleh Majlis Angkatan Tentera, tetapi jumlah bayaran yang dibuat mana-mana tempoh dua belas bulan tidak boleh lebih daripada enam ratus lapan puluh lima ringgit (\$685.00) bagi mana-mana seorang anak.

(3) Walau apa pun peruntukan dalam perenggan (2), jika ditunjukkan dengan memuaskan hati Majlis Angkatan Tentera bahawa anak berumur lebih daripada 21 tahun akan mendapat faedah dari pelajaran tinggi, Majlis Angkatan Tentera boleh, dalam kes yang sesuai

dan bergantung kepada kursus pengajian, menambah elaun pelajaran itu menjadi lebih daripada amaun yang ditetapkan dalam perenggan (2).

37. Jika seseorang anggota menerima pencen hilangupaya di bawah peraturan 33 mengenai hilangupaya yang diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan dan hilangupaya itu berdarjah 100 peratus dan adalah ditunjukkan dengan memuaskannya hati Majlis Angkatan Tentera bahawa layanan sentiasa ke atas anggota itu adalah perlu disebabkan hilangupaya itu, ia boleh, dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera, diaward elaun layanan sentiasa mengikut kadar tidak lebih daripada sertasau sepuluh ringgit (\$110) sebulan.

Elaun layanan sentiasa

38. (1) Jika seseorang anggota yang menerima pencen hilangupaya di bawah peraturan 33 perlu menerima rawatan di institusi perubatan yang diluluskan, boleh dibayar elaun perjalanan, elaun hidup dan elaun penginapan mengikut kadar semasa sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa.

Elaun-elaun dalam masa rawatan

(2) Jika diperakui oleh pegawai perubatan bahawa anggota itu memerlukan seseorang atendan untuk menemani dan menjaganya, atendan itu boleh juga dibayar elaun perjalanan, elaun hidup dan elaun penginapan mengikut kadar semasa yang dipakai bagi anggota yang disebutkan dalam perenggan (1).

39. Apa-apa yang perlu berkenaan dengan rawatan perubatan, pembedahan atau pemulihan seseorang anggota yang tidak diperuntukan dengan apa-apa cara lain boleh dibayar mengikut apa-apa syarat dan sebanyak amaun yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Angkatan Tentera.

Perbelanjaan perubatan

40. (1) Jika diperakui oleh Lembaga Perubatan bahawa seseorang anggota patut untuk kepentingannya sendiri menerima rawatan perubatan, pembedahan atau pemulihan bagi hilangupaya yang mengenainya pencen mungkin atau telah diaward kepadanya, dan anggota itu enggan atau abai menerima rawatan, Majlis Angkatan Tentera boleh, jika difikirkannya keengganan atau pengabaian itu tidak munasabah, mengurangkan apa-apa pencen mengenai hilangupaya anggota itu sebanyak sesuatu amaun yang tidak lebih daripada setengah daripada mana-mana pencen itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Keengganan menerima rawatan.

(2) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa salahlaku di pihak anggota yang pada pendapat Majlis Angkatan Tentera, menyebabkan perlu diberhentikan apa-apa rawatan yang diterimanya bolehlah disifatkan sebagai keengganan anggota itu menerima rawatan.

BAHAGIAN IV FAEDAH KEMATIAN

41. (1) Majlis Angkatan Tentera boleh memberi award di bawah bahagian ini mengenai seseorang anggota yang mati-

Pemberian faedah kematian.

- (a) semasa dalam perkhidmatan sama ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau selainnya atau disebabkan kemalangan dalam perjalanan yang bukan disebabkan oleh kerana, tidak menjadi semakin teruk atau tidak berpunca dari, kecuaian atau salahlaku anggota itu; atau
- (b) selepas ditamatkan perkhidmatannya jika kematian itu adalah disebabkan kecederaan yang boleh diperkaitkan dengan perkhidmatan.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, anggota adalah termasuk-

- (a) pegawai kadet yang mana hendaklah disifatkan sebagai prebet bergaji minimum tetapi mulai dari 1hb Julai 1980 elaun pegawai kadet itu hendaklah disifatkan sebagai gajinya; dan
- (b) rekrut yang mana hendaklah disifatkan sebagai prebet bergaji minimum.

42. (1) Jika seseorang pegawai bertauliah tetap mati dalam perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi-

Award atas kematian pegawai bertauliah tetap.

- (a) pencen terbitan yang akan dihitungkan mengikut perenggan kecil (a) perenggan (1) peraturan 22, tertakluk kepada minimum satu perlima (1/5) daripada gaji

- akhir yang diterima oleh pegawai itu; dan
- (b) ganjaran terbitan yang akan dihitung mengikut perenggan kecil (b) perenggan (1) peraturan 22.
- (2) Jika seseorang pegawai bertauliah tetap mati dalam perkhidmatan dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau kematian itu disebabkan kerana kemalangan dalam perjalanan, orang tanggungannya boleh diberi-
- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 8 selain dari pencen terbitan dan ganjaran terbitan sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (1) peraturan ini; atau
- (b) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9 dan ganjaran orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 10.
- (3) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3) peraturan 45, jika seseorang pegawai bertauliah tetap yang telah bersara dengan diberi pencen perkhidmatan mati, orang tanggungannya boleh dibayar pencen terbitan-
- (a) yang setara dengan amaun pencen yang dibayar kepada pegawai yang mati jika kematian itu berlaku dalam masa dua belas tahun setengah selepas ia bersara; atau
- (b) setara dengan 70 peratus daripada amaun pencen yang dibayar kepada pegawai yang mati jika kematian itu berlaku selepas tempoh dua belas tahun setengah.
- (4) Jika seseorang pegawai bertauliah tetap yang telah bersara dengan pencen perkhidmatan mati dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi-
- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 8 selain dari pencen terbitan sebagaimana disyaratkan dalam perenggan (3) peraturan ini; atau
- (b) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9.
- (5) Jika seseorang pegawai bertauliah tetap yang dibayar ganjaran tamat perkhidmatan mati selepas perkhidmatannya ditamatkan, dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan perkhidmatan, orang tanggungannya boleh dibayar pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9 selepas sahaja tarikh kematian pegawai itu.
43. (1) Jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek mati dalam perkhidmatan pada atau selepas 1hb Julai 1980, orang tanggungan boleh diberi-
- (a) pencen terbitan dan ganjaran terbitan perkhidmatan jangka pendek yang setara dengan tiga perempat (3/4) daripada pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan yang lazim kena dibayar kepada orang tanggungan seseorang pegawai bertauliah tetap, tertakluk kepada minimum tiga perempat (3/4) daripada satu perlima (1/5) daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu; atau
- (b) ganjaran tamat perkhidmatan yang dikira mengikut kadar 15 peratus daripada gaji akhir yang diterima bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatan diakui.
- (2) Jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek mati dalam perkhidmatan pada atau selepas 1hb Julai 1980, dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau kematian disebabkan kemalangan dalam perjalanan, orang tanggungannya boleh diberi-
- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 8 selain dari pencen terbitan dan ganjaran terbitan perkhidmatan

Award atas kematian pegawai bertauliah jangka pendek

jangka pendek sebagaimana disyaratkan dalam perenggan (1) peraturan ini; atau

- (b) pencen orang tanggungan mengikut kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9 dan ganjaran orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 10.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3) peraturan 45, jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek yang telah bersara dengan diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan jangka pendek mati pada atau selepas 1hb Julai 1980, orang tanggungannya boleh dibayar pencen terbitan perkhidmatan jangka pendek senilai dengan amaun pencen yang dibayar kepada pegawai yang mati.

(4) Jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek yang telah bersara dengan diberi pencen perkhidmatan jangka pendek mati pada atau selepas 1hb Julai 1980, dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi-

- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam susunan 8 selain dari pencen terbitan perkhidmatan jangka pendek sebagaimana disyaratkan dalam perenggan (3) peraturan ini; atau
(b) pencen orang tanggungan mengikut kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9.

(5) Jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek boleh dibayar ganjaran tamat perkhidmatan apabila perkhidmatannya ditamatkan, dan ia mati disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 9.

44. (1) Jika seseorang askar-laskar mati dalam perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi-

*Award atas
kematian askar-
laskar*

- (a) pencen terbitan dan ganjaran terbitan yang akan dihitung mengikut perenggan (1) peraturan 24 dengan syarat bahawa pencen terbitan itu tidak boleh kurang daripada satu perlima (1/5) daripada gaji akhir yang diterima oleh askar-laskar itu; atau
(b) pencen orang tanggungan dan ganjaran orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang masing-masing dinyatakan dalam Susunan 6 dan 7.

(1A) Jika seorang askar-laskar yang dilantik dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera untuk berkhidmat dalam mana-mana organisasi, walau bagaimana dibentuk dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri ada apa-apa kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti skim perkhidmatan, mati sebelum dia layak diberikan pencen ganjaran atau lain-lain faedah mengikut perenggan (7) atau (8) peraturan 24 dia hendaklah, bagi maksud perenggan (1) (a) peraturan ini, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan sekiranya pada masa kematiannya dia adalah dalam perkhidmatan organisasi tersebut.

(Pind. 1991)

(2) Jika seseorang askar-laskar mati dalam perkhidmatan dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan atau kematian yang disebabkan kemalangan dalam perjalanan, orang tanggungannya boleh diberi-

- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 8 selain dari pencen terbitan dan ganjaran terbitan sebagaimana disyaratkan dalam perenggan (1) peraturan ini; atau
(b) pencen orang tanggungan dan ganjaran orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang masing-masing dinyatakan dalam Susunan 6 dan 7.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3) peraturan 45, jika seseorang askar-laskar yang telah bersara di bawah peraturan ini dengan diberi pencen perkhidmatan mati, orang tanggungannya boleh dibayar pencen terbitan yang senilai dengan amaun pencen yang dibayar kepada askar-laskar itu.

(4) Jika seseorang askar-laskar yang telah bersara dengan diberi pencen perkhidmatan

mati dan kematian itu disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan perkhidmatan, orang tanggungannya boleh diberi-

- (a) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 8 selain dari pencen terbitan sebagaimana disyaratkan dalam perenggan (3) peraturan ini; atau
- (b) pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 6.

(5) Jika seseorang askar-laskar yang dibayar ganjaran tamat perkhidmatan atau apa-apa faedah di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 ketika diberhentikan dan mati disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan, orang tanggungannya boleh, dibayar pencen orang tanggungan mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Susunan 6 mulai dari tarikh kematiannya.

44A. (1) Jika award pencen orang tanggungan atau ganjaran orang tanggungan dibuat di bawah Susunan 6, 7, 9 atau 10, amaun yang kena dibayar hendaklah ditentukan berdasarkan pangkat hakiki yang dipegang oleh anggota pada masa tamat perkhidmatannya atau kematiannya.

Pangkat dan gaji bagi menentukan pencen orang tanggungan dan ganjaran orang tanggungan.

(2) Jika pencen orang tanggungan kena dibayar di bawah Susunan 8, amaun hendaklah ditentukan berdasarkan gaji hakiki anggota pada masa mengalami kecederaan itu.

45. (1) Jika seseorang anggota mati dalam perkhidmatan, pencen terbitan atau pencen orang tanggungan yang dibayar atas kematian bukan disebabkan tugas semasa perkhidmatan di bawah Susunan 6 adalah kena dibayar selama tempoh tidak lebih daripada dua belas tahun setengah dari tarikh selepas sahaja tarikh kematian anggota itu dan sesudah itu penerima pencen itu dengan syarat ia bermastautin di Malaysia, bolehlah terus menerima tujuh puluh peratus (70%) daripada amaun yang diberi itu.

Tempoh pembayaran pencen terbitan.

(2) Jika seseorang anggota mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh ia bersara, pencen terbitan atau pencen orang tanggungan di bawah Susunan 6 bagi kematian bukan disebabkan tugas semasa perkhidmatan kenalah dibayar kepada orang tanggungan selama tempoh tidak melebihi perbezaan antara tempoh dua belas tahun setengah dengan tempoh persaraan anggota yang mati itu dan sesudah itu penerima, dengan syarat ia bermastautin di Malaysia boleh terus menerima tujuh puluh peratus (70%) daripada amaun yang diberi itu.

(3) Apa-apa pemberian pencen terbitan atau pencen orang tanggungan yang dibayar atas kematian bukan disebabkan perkhidmatan di bawah Susunan 6 selepas tamatnya tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh ia bersara atau mati dalam perkhidmatan mengikut mana yang berkenaan hendaklah dibuat hanya jika orang tanggungan itu-

- (a) seorang pemastautin di Malaysia;
- (b) telah berkahwin dengan anggota yang mati itu semasa anggota itu masih dalam perkhidmatan ; atau
- (c) adalah anak atau anak angkat dari perkahwinan yang telah dilangsungkan semasa anggota itu masih dalam perkhidmatan;
- (d) anak yang diambil sebagai anak angkat semasa anggota itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (e) anak luar nikah yang lahir semasa anggota itu masih dalam perkhidmatan.

46. (1) Pemberian apa-apa pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada orang tanggungan kepada anggota yang mati boleh dibayar mengikut apa-apa kadar-kadar sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis Angkatan Tentera dan pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain itu boleh diumpuk semula bila-bila masa penerima itu mati atau tidak lagi layak mendapat bayaran itu.

Pengumpulan pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain.

(2) Walau apa pun peruntukan Peraturan-Peraturan ini dimana seseorang anggota mati dan meninggalkan hanya ibu bapanya sebagai orang tanggungan, Majlis Angkatan Tentera boleh memberikan hanya sebahagian daripada pencen terbitan atau pencen orang tanggungan berdasarkan Susunan 6 atau 9.

47. Jika seseorang anggota mati dalam perkhidmatan dan ia tidak meninggalkan orang tanggungan, maka hanya ganjaran terbitan atau ganjaran orang tanggungan sahaja kena dibayar kepada wakil diri di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu.

Ganjaran terbitan yang kena dibayar kepada wakil diri di sisi undang-undang jika tidak ada orang tanggungan

48. Pencen terbitan, pencen orang tanggungan yang kena dibayar di bawah Susunan 6, 8 dan 9 dan faedah-faedah lain yang diberi di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah terhenti jika penerimanya-

Pemberhentian pencen terbitan.

- (a) seorang balu atau duda, apabila berkahwin lagi; atau
- (b) seorang anak, lain daripada anak cacat otak atau hilangupaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, apabila berkahwin atau apa-apa mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang dahulu; atau
- (c) seorang anak yang sedang mendapat didikan di institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melampaui pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, apabila tamat atau berhenti mendapat didikan itu atau apabila berkahwin mengikut mana yang lebih dahulu.

49. (1) Elaun pelajaran boleh diaward kepada anak seseorang anggota yang mati disebabkan kecederaan yang ada diperkaitkan dengan perkhidmatan dan anggota tanggungan itu ada menerima pencen orang tanggungan di bawah Susunan 6 atau 9 dengan syarat-

Elaun pelajaran.

- (a) anak itu telah mencapai umur enam tahun;
- (b) hal-keadaan keluarganya memerlukannya; dan
- (c) Majlis Angkatan Tentara berpuas hati bahawa jenis pelajaran yang sedang diterima atau akan diterima oleh anak itu adalah sesuai bagi anak itu.

(2) Amaun elaun pelajaran itu hendaklah ditentukan oleh Majlis Angkatan Tentera, tetapi jumlah kesemuanya yang dibuat bagi mana-mana tempoh 12 bulan tidak boleh lebih daripada enam ratus lapan puluh lima ringgit (\$685) bagi mana-mana seorang anak.

(3) Walau apa pun peruntukan perenggan (2) jika ditunjukkan dengan memuaskan hati Majlis Angkatan Tentera bahawa seseorang anak yang berumur lebih daripada 21 tahun akan mendapat faedah dari pelajaran tinggi, Majlis Angkatan Tentera boleh dalam mana-mana kes yang sesuai dan bergantung kepada kursus pengajian, menaikkan amaun elaun pelajaran lebih daripada amaun yang ditetapkan dalam perenggan (2).

BAHAGIAN V PENYELARASAN PENCEN, GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN

50. (1) Bahagian ini hendaklah dipakai bagi-

Pemakaian peruntukan-peruntukan penyelarasan.

- (a) anggota-anggota yang telah bersara dari Angkatan Tetap dan sedang menerima pencen atau faedah-faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) orang-orang tanggungan kepada anggota yang mati dalam perkhidmatan atau selepas tarikh persaraan, yang sedang menerima pencen atau faedah-faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) orang-orang tanggungan kepada anggota yang mati dalam persaraan yang tidak menerima apa-apa pencen atau faedah-faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dengan syarat anggota-anggota itu sendiri ada menerima pencen perkhidmatan atau gaji bersara di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) orang-orang tanggungan kepada anggota yang mati dalam perkhidmatan yang tidak menerima apa-apa pencen atau faedah-faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dengan syarat bahawa pada tarikh kematian anggota itu ia sepatutnya layak menerima pencen atau gaji bersara di bawah mana-mana undang-undang bertulis jika ia bersara atas alasan-alasan perubatan;

- (e) orang-orang tanggungan kepada pegawai bertauliah jangka pendek yang mati semasa perkhidmatan di antara 1hb Ogos 1968 dan 30hb Jun 1980 dan tidak menerima apa-apa pencen atau faedah-faedah lain dengan syarat bahawa pada tarikh kematian, pegawai itu mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan diakui;
- (f) anggota-anggota pasukan sukarela yang telah dikerah atau orang tanggungan mereka yang sedang menerima pencen hilangupaya atau pencen orang tanggungan di bawah undang-undang yang lazim di pakai bagi anggota Angkatan Tetap.

(2) Bagi maksud perenggan (1) anggota-anggota atau orang-orang tanggungan itu mestilah bermastautin di Malaysia.

(3) Walau apa pun peruntukan perenggan (1) peraturan ini, jika penerima apa-apa pencen atau faedah-faedah lain yang boleh diselaraskan di bawah peraturan ini terhenti menjadi pemastautin di Malaysia, ia hendaklah di bayar pencen atau faedah-faedah lain, jika ada, mengikut undang-undang bertulis yang di bawahnya pencen atau faedah-faedah lain itu di beri asalnya sebelum penyelarasan pertama yang di buat pada 1hb Julai 1980.

51. Dalam Bahagian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

Taksiran.

“gaji bersamaan yang akhir diterima” ertinya gaji yang anggota itu jika ia bersara atau mati di bawah skel gaji semasa;

“perkhidmatan diakui” ertinya apa-apa perkhidmatan seseorang anggota yang telah digunakan dalam perghitungan pencen atau faedah-faedah lain bagi anggota itu apabila ia bersara atau bagi orang tanggungannya apabila ia mati atau apa-apa perkhidmatan yang menjadi perkhidmatan diakui di bawah undang-undang bertulis yang terpakai pada masa anggota itu bersara atau mati;

“skel gaji semasa” ertinya skel gaji terbaru sekali yang terpakai bagi Angkatan Tetap hasil dari sesuatu penyemakan gaji yang dibuat oleh Kerajaan.

52. (1) Bagi maksud Bahagian ini, kemastautinan ertinya anggota atau orang tanggungan yang mestilah jangan tidak hadir dari Persekutuan selama tempoh 180 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan melainkan jika tempoh tidak hadir itu adalah-

Kelayakan kemastautinan

- (a) bagi maksud pelajaran yang diluluskan secara am atau khas oleh Majlis Angkatan Tentera;
- (b) kerana sebab-sebab kesihatan;
- (c) kerana tugas dalam perkhidmatan Persekutuan atau mana-mana Negeri; atau
- (d) tempoh tidak hadir dari Persekutuan kerana apa-apa sebab lain yang ditetapkan secara am atau khas oleh Kerajaan.

53. Majlis Angkatan Tentera hendaklah atas nasihat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menentukan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh seorang anggota.

Menentukan gaji bersamaan dengan gaji yang akhir diterima

54. Jika pencen perkhidmatan kena dibayar berdasarkan sesuatu formula atau kadar tetap yang dinyatakan dalam mana-mana susunan di bawah mana-mana undang-undang bertulis pemberian itu hendaklah diselaraskan berdasarkan formula yang berikut-

Menyelaraskan Pencen perkhidmatan dan pencen terbitan

Jenis Formula	faedah
(a) Pencen perkhidmatan bagi pegawai bertauliah tetap	$1/600 \times$ bilangan bulan perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 300 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir diterima.
(b) Pencen perkhidmatan jangka pendek bagi pegawai bertauliah jangka pendek	$3/4 \times 1/600 \times$ perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 300 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir diterima.

Jenis Formula	faedah
(c) Pencen perkhidmatan bagi askar-laskar	$1/504 \times$ bilangan bulan perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 252 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir diterima.
(d) Pencen perkhidmatan kerana bersara atas alasan-alasan perubatan bagi pegawai bertauliah tetap	Sama seperti dalam (a) di atas.
(e) Pencen perkhidmatan kerana bersara atas alasan-alasan perubatan bagi pegawai bertauliah jangka pendek.	Sama seperti dalam (b) di atas.
(f) Pencen perkhidmatan kerana bersara atas alasan-alasan perubatan bagi askar-laskar.	Sama seperti dalam (c) di atas.
(g) pencen terbitan bagi orang tanggungan kepada pegawai bertauliah tetap	$1/600 \times$ bilangan bulan perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 300 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir diterima tetapi tertakluk kepada minimum tidak kurang daripada $1/5$ daripada gaji bersamaan yang akhir di terima oleh pegawai itu.
(h) Pencen terbitan bagi orang tanggungan kepada pegawai bertauliah jangka pendek.	$3/4 \times 1/600 \times$ bilangan bulan perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 300 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir di terima tetapi tertakluk kepada minimum tidak kurang daripada $3/4$ daripada $1/5$ daripada gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.
(i) Pencen terbitan bagi orang tanggungan kepada askar-laskar.	$1/504 \times$ bilangan bulan perkhidmatan diakui (tertakluk kepada tidak lebih daripada 252 bulan) \times gaji bersamaan yang akhir diterima tetapi tertakluk kepada minimum tidak kurang daripada $1/5$ daripada gaji bersamaan yang akhir di terima oleh askar-laskar itu.

55. Jika seseorang pegawai bertauliah jangka pendek bersara atau mati sebelum 1hb Januari 1976 dan pencen atau faedah-faedah lain yang kena dibayar dihitung berdasarkan formula yang sama atau berdasarkan Susunan yang sama bagi jenis pencen atau faedah-faedah lain mengenai pegawai bertauliah tetap, pencen atau faedah-faedah lain yang kena dibayar mengenai pegawai bertauliah jangka pendek hendaklah diselaraskan mengikut jenis pencen atau lain-lain faedah yang sama bagi pegawai bertauliah tetap di bawah Bahagian ini dalam peraturan-peraturan ini.

Menyelaraskan pencen atau faedah-faedah lain bagi pegawai bertauliah jangka pendek yang bersara atau mati sebelum 1hb Januari 1976 dan orang-orang tanggungan mereka.

56. (1) Jika seseorang anggota mati dalam perkhidmatan, pencen terbitan yang diselaraskan hendaklah dibayar seperti dalam perenggan kecil (g), (h) atau (i) peraturan 54 mengikut mana yang berkenaan selama tempoh tidak lebih daripada dua belas tahun setengah dari tarikh selepas sahaja tarikh kematian anggota itu dan sesudah itu amaun yang kena dibayar ialah 70 peratus daripada amaun yang diselaraskan itu.

Menyelaraskan kuantum selepas kematian anggota.

(2) Jika seseorang anggota mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan, pencen terbitan yang diselaraskan hendaklah dibayar seperti dalam perenggan kecil

(g), (h) atau (i) peraturan 54 di atas mengikut mana yang berkenaan selama tempoh tidak lebih daripada perbezaan antara dua belas tahun setengah dan tempoh persaraan anggota yang mati itu dan sesudah itu amaunnya ialah 70 peratus daripada amaun yang diselaraskan itu.

(3) Jika seseorang anggota mati selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan, pencen terbitan yang diselaraskan yang kena dibayar ialah 70 peratus daripada amaun dalam perenggan kecil (g), (h) atau (i) peraturan 54 mengikut mana yang berkenaan.

57. Jika pencen hilangupaya adalah kena dibayar dan amaunnya adalah berdasarkan kadar tetap yang dinyatakan dalam mana-mana Susunan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, award itu hendaklah diselaraskan berdasarkan formula berkaitan yang terpakai bagi jenis award yang sama sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan 2 (A) Peraturan ini dengan syarat bahawa gaji akhir yang diterima ialah gaji anggota pada masa kecederaan diperolehi dan gaji yang diselaraskan mengikut skel gaji semasa.

*Menyelaraskan
pencen
hilangupaya.*

58. (1) Jika pencen orang tanggungan adalah kena dibayar mengenai kematian anggota yang bukan disebabkan tugas semasa perkhidmatan, pencen orang tanggungan yang kena dibayar hendaklah diselaraskan mengikut formula yang diperuntukan mengenai penyelarasan pencen terbitan.

*Menyelaraskan
pencen orang
tanggungan*

(2) Jika pencen orang tanggungan adalah kena dibayar berdasarkan kadar tetap yang dinyatakan dalam mana-mana Susunan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau mengenai kematian seseorang anggota yang diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan, atau terbunuh dalam gerakan atau mati semasa penerbangan semasa bertugas pencen orang tanggungan itu hendaklah diselaraskan-

- (a) mengikut pencen terbitan yang akan dihitung sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 54; dan
- (b) berdasarkan formula dalam Susunan 8 kecuali bahawa gaji akhir yang diterima ialah gaji anggota pada masa kecederaan diperolehi dan gaji diselaraskan mengikut skel gaji semasa.

59. (1) Pencen perkhidmatan atau pencen terbitan yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan diakui selama tidak kurang daripada 25 tahun bagi pegawai-pegawai dan 21 tahun bagi askar-laskar, yang kena dibayar di bawah Bahagian ini tidaklah boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit (\$180) sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa melalui pemberitahu dalam Warta.

*Pencen
perkhidmatan dan
pencen terbitan
serendah-
rendahnya bagi
perkhidmatan
penuh*

(2) Bagi maksud Bahagian ini, perkhidmatan diakui ertinya apa-apa perkhidmatan seseorang anggota yang telah digunakan dalam menghitung pencen atau faedah-faedah lain bagi anggota itu apabila ia bersara atau bagi orang-orang tanggungannya apabila ia mati.

60. Jika dalam proses menyelaraskan amaun pencen atau faedah-faedah lain di bawah peraturan ini, Majlis Angkatan Tentera tidak mempunyai rekod-rekod yang cukup untuk membolehkannya menentukan amaun pencen atau faedah-faedah lain yang kena dibayar itu hendaklah sama dengan 50 peratus daripada pencen tertinggi sekali yang boleh dibayar kepada anggota yang bersara menyandang pangkat yang setaraf dengannya di bawah skel gaji semasa:

*Rekod tak
cukup untuk
menentukan
kuantum.*

Dengan syarat bahawa jika amaun yang kena dibayar di bawah peraturan ini adalah kurang daripada amaun pencen yang sedia ada, perenggan (2) peraturan 61 hendaklah dipakai.

61. (1) Segala elaun yang kena dibayar di bawah perkiraan pentadbiran selain dari apa-apa pencen atau faedah-faedah lain yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, sebaik sahaja Bahagian ini mula berkuatkuasa, terhenti dibayar.

*Elaun yang
dibayar secara
pentadbiran
hendaklah
terhenti.*

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), jika amaun pencen atau faedah-faedah lain yang didapati daripada pemakaian peruntukan penyelarasan ini adalah kurang daripada jumlah amaun yang sedang diterima, amaun pencen yang diselaraskan yang kena dibayar hendaklah sama dengan jumlah amaun yang sedang diterima.

(3) Bagi maksud perenggan (2), amau “yang sedang diterima” ertinya pencen atau faedah-faedah lain berserta dengan apa-apa bayaran lain yang berkaitan yang sebenarnya diterima oleh anggota atau orang tanggungannya sebelum mula berkuatkuasanya Bahagian ini kepada peraturan-peraturan ini.

62. (1) Jika di bawah mana-mana undang-undang bertulis, seseorang anggota telah diberi pencen susutan menurut pilihannya bagi pencen gantian tetap, anggota itu setelah tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya adalah layak di pulihkan pencennya, dengan syarat bahawa pemulihan itu-

*Pemulihan
pencen.*

- (a) tidak boleh dibuat lebih awal daripada 1hb Januari 1973; dan
- (b) tidak boleh dipakai berkenaan dengan sesuatu pencen yang telah dibayar selepas penyelarasan yang dibuat di bawah peraturan ini.

(2) Jika pencen seseorang anggota yang disebut dalam perenggan (1) telah dipulihkan selepas tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya tetapi sebelum mula berkuatkuasanya peraturan ini, pemulihan itu hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sempurna dan sahny.

SUSUNAN 1

**SUSUNAN PANGKAT-PANGKAT YANG BERSAMAAN DALAM
TENTERA DARAT, TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA
DAN TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA**

<i>Tentera Darat</i>	<i>Tentera Laut</i>	<i>Tentera Udara</i>
PEGAWAI-PEGAWAI:		
Fil Masyal	Laksamana Armada	Masyal Tentera Udara Di Raja Malaysia
Jenderal	Laksamana	Jeneral
Leftenan Jenderal	Laksamana Madya	Leftenan Jeneral
Mejar Jenderal	Laksamana Muda	Mejar Jeneral
Brigadier Jenderal	Laksamana Pertama	Brigadier Jenderal
Kolonel	Kapten	Kolonel (Udara)
Leftenan Kolonel	Komander	Leftenan Kolonel (Udara)
Mejar	Leftenan Komander	Mejar (Udara)
Kapitan	Leftenan	Kapitan (Udara)
Leftenan	Leftenan Madya	Leftenan (Udara)
Leftenan Muda	Leftenan Muda	Leftenan Muda (Udara)
ASKAR-LASKAR:		
Pegawai Waran I	Pegawai Waren I	Pegawai Waran
Pegawai Waran II	Pegawai Waren II	Pegawai Waran II
Setaf Sarjan	Ketua Pegawai Kecil	Sarjan Udara
Sarjan	Pegawai Kecil	Sarjan
Koperal	Ketua Laskar	Koperal
Las Koperal	Laskar Kanan	Leading Aircraftsmen
Prebet	Laskar Kanan Rendah/Laskar Biasa	Aircraftsmen I dan II

SUSUNAN 2

KADAR BULANAN PENCEN TIADA-UPAYA

(Peraturan 33)

(Berkuatkuasa mulai 9hb Ogos 2000)

PANGKAT	PERATUS DARJAH HILANG-UPAYA								
	100	90	80	70	60	50	40	30	20
	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
PEGAWAI-PEGAWAI:									
Jenderal	1022	903	822	728	609	508	406	305	216
Leftenan Jenderal	988	885	795	708	591	493	395	295	204
Mejar Jeneral	959	860	769	679	574	477	384	287	190
Brigadier-Jenderal	925	833	742	647	556	463	370	277	186
Kolonel	848	764	679	594	511	423	340	258	171
Leftenan Kolonel	843	759	675	589	475	421	339	253	168
Mejar	755	687	608	538	455	384	305	239	153
Kapitan	753	679	602	531	451	378	298	231	150
Leftenan/Leftenan Muda	683	616	546	477	410	343	276	206	137
ASKAR-LASKAR:									
Pegawai Waran Kelas I	574	524	470	419	365	316	262	210	164
Pegawai Waran Kelas II	540	490	445	396	344	300	249	199	150
Setaf Sarjan	508	462	417	372	322	277	232	188	141
Sarjan	473	433	388	344	305	262	217	176	134
Koperal	441	400	361	321	283	239	204	164	126
Las Koperal/Prebet	374	356	333	300	262	224	188	150	112

SUSUNAN 2A

KADAR BULANAN PENCEN HILANGUPAYA
PEGAWAI DAN ASKAR LASKAR

(Peraturan 33)

(Berkuatkuasa mulai pada 1hb Januari 1976)

Peratus Darjah Hilang Upaya	100	90	80	70	60	50	40	30	20
..									
Peratus Gaji Bulanan	50	45	40	35	30	25	20	15	10

SUSUNAN 3

GANJARAN YANG BOLEH DIBAYAR BAGI BENCANA KECIL
TERTENTU

(Peraturan 32 dan 34)

(Berkuatkuasa mulai 1hb Februari 1990)

<i>Jenis Kecederaan</i> BAGI KEHILANGAN						<i>Pegawai</i>	<i>Askar-Laskar</i>
A. JARI:							
Jari telunjuk Kanan atau Kiri- Seluruh	\$ 1,815	\$ 1,617
2 ruas	1,425	1,270
1 ruas	1,171	1,040
Pengudungan tetap hujung jari tanpa hilang tulang	649	577
Jari hantu Kanan atau Kiri- Seluruh	1,555	1,386
2 ruas	1,171	1,040
1 ruan	906	809
Pengudungan tetap hujung jari tanpa hilang tulang	519	462
Jari Kelingking Kanan atau Kiri- Seluruh	906	809
2 ruas	779	694
1 ruas	649	577
Pengudungan tetap hujung jari tanpa hilang tulang	260	234
B. IBU JARI KAKI:							
Ibu jari kaki Kanan atau Kiri- Di sendi tapak kaki jari kaki	1,815	1,617
Sebahagian dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	389	347
Satu jari kaki Kanan atau Kiri yang lain- Di sendi tapak kaki jari kaki	389	347
Sebahagian dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	130	116
2 jari kaki, tidak termasuk ibu jari kaki- Di sendi tapak kaki jari kaki	649	577
Sebahagian dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	260	231
3 jari kaki, tidak termasuk ibu jari kaki- Di sendi tapak kaki jari kaki	776	694
Sebahagian dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	389	347
4 jari kaki, tidak termasuk ibu jari kaki- Di sendi tapak kaki jari kaki	1,171	1,040
Sebahagian dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	389	347

SUSUNAN 4

**KADAR GANJARAN YANG BOLEH DIBAYAR BAGI HILANGUPAYA YANG DITAKSIRKAN
KURANG DARIPADA 20 PERATUS, YANG BUKAN KECEDEeraan KECIL TERTENTU**

(Peraturan 32 dan 34)

(Berkuatkuasa mulai 9hb Ogos 2000)

<i>ANGGARAN LAMANYA HILANGUPAYA DALAM DARJAH YANG TERTENTU</i>															
	<i>Sementara kurang dari satu tahun peratus</i>			<i>Sementara satu tahun atau lebih dari satu tahun</i>			<i>Peratus tak tentu</i>			<i>6-14 peratus</i>	<i>15-19 peratus</i>	<i>6-19 Peratus</i>	<i>15-19 peratus</i>	<i>19-19 peratus</i>	<i>15-19 peratus</i>
	1-5	6-14	15-19	1-5	6-14	15-19	1-5	6-14	15-19	<i>Sementara kurang dari satu tahun diikuti dengan 1-5 peratus tertentu</i>		<i>Sementara satu tahun atau lebih dari satu tahun diikuti dengan 1-5 peratus tertentu</i>		<i>Sememara kurang dari satu tahun</i>	<i>Sememara satu tahun dan dari satu tahun</i>
	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
PEGAWAI-PEGAWAI:															
Jenderal	560	1,117	1,809	1,117	2,300	3,650	2,990	5,265	8,527	3,499	4,381	3,902	5,243	6,254	6,752
Leftenan Jenderal	526	1,042	1,663	1,042	2,122	3,345	2,736	5,096	7,904	3,287	3,930	3,668	4,894	5,837	6,315
Mejar Jenderal	493	956	1,516	965	1,942	3,041	2,481	4,973	7,293	3,074	3,478	3,433	3,523	5,419	5,879
Brigadier Jenderal	461	888	1,369	888	1,761	2,737	2,425	2,847	6,686	2,863	3,233	3,199	4,151	5,005	5,443
Kolonel	426	843	1,233	843	1,684	2,468	2,155	4,308	6,072	2,559	2,953	2,962	3,815	4,612	5,107
Leftenan Kolonel	393	787	1,158	787	1,583	2,344	1,975	3,927	5,802	2,367	2,737	2,772	3,513	4,320	4,690
Mejar	326	662	979	662	1,316	1,975	1,651	3,300	4,949	1,975	2,311	2,311	2,962	3,626	3,949
Kapten dan ke bawah	316	552	843	552	1,099	1,684	1,583	3,165	4,218	1,819	2,110	2,131	2,729	3,457	3,760
Pegawai Waren I	193	386	578	386	774	1,159	963	1,925	3,272	1,158	1,348	1,348	1,735	2,117	2,311
Pegawai Waren II	182	364	545	364	728	1,092	928	1,858	3,171	1,112	1,294	1,294	1,656	2,040	2,222
Setaf Sarjan	171	340	511	340	685	1,025	896	1,791	3,070	1,067	1,236	1,236	1,576	1,960	2,131
Sarjan	158	319	477	319	638	958	861	1,723	2,968	1,023	1,182	1,182	1,499	1,884	2,043
Koperal	150	297	444	297	594	890	829	1,656	2,869	977	1,124	1,124	1,421	1,806	1,953
Las Koperal/Prebet	137	273	412	273	550	823	795	1,589	2,768	932	1,068	1,068	1,343	1,725	1,866

SUSUNAN 5

TAKSIRAN HILANG-UPAYA YANG DISEBABKAN KECEDEeraan
TERTENTU DAN LAIN-LAIN HILANG-UPAYA

<i>Jenis Kecederaan</i>	<i>Peratus taksiran</i>
PENGUDUNGAN- ANGGOTA ATAS:	
Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di bahagian atas ...	100
Pengudungan disendi bahu... ..	90
Pengudungan di pangkal lengan dengan kudungnya kurang daripada 8 inci daripada hujung permatang berlikaat	80
Pengudungan daripada 8 inci daripada hujung permatang berlikaat hingga kurang daripada 4 1/2 inci di bawah hujung siku	70
Daripada 4 1/2 inci di bawah hujung siku	60
Hilang ibu jari	30
Hilang ibu jari dan tulang pada tapak tangan	40
Hilang empat jari	50
Hilang tiga jari	30
Hilang dua jari	20
Hilang tulang ruas hujung ibu jari	20
PENGUDUNGAN - ANGGOTA BAWAH:	
Pengudungan dua anggota di paha, atau di paha di sebelah kaki dan hilang kaki sebelah lagi, atau pengudungan dua anggota di pangkal paha hingga 5 inci di bawah lutut ...	100
Pengudungan dua anggota di kaki ke bawah hingga 5 inci di bawah lutut	100
Pengudungan di kaki ke bawah hingga 5 inci di bawah lutut dan hilang sebelah kaki yang lagi satu	100
Pengudungan kedua-dua kaki mengakibatkan kudung	90
Pengudungan di kedua-dua kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal daripada sendi tulang tapak kaki jari kaki	80
Hilang semua jari kedua-dua kaki di sendi tulang tapak kaki jari kaki	40
Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke pangkal daripada sendi ruas pangkal tengah jari	30
Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke hujung daripada sendi ruas pangkal tengah jari	20
Pengudungan di sendi pangkal paha... ..	90
Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungannya tidak lebih daripada 5 inci panjang diukur daripada hujung bonggol besar tulang paha	80
Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungannya lebih daripada 5 inci panjang diukur daripada hujung bonggol besar tetapi tidak lebih ke hujung daripada tengah paha...	70
Di bawah tengah paha tidak lebih daripada 3 1/2 inci di bawah lutut	60
Di bawah lutut dengan kudungannya lebih daripada 3 1/2 inci tetapi tidak lebih daripada 5 inci	50
Di bawah lutut dengan kudungannya lebih daripada 5 inci	40
Pengudungan sebelah kaki mengakibatkan kudung menyangga badan	30
Pengudungan di sebelah kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal daripada sendi tulang tapak kaki-jari kaki	30
Hilang semua jari sebelah kaki lebih ke pangkal daripada sendi ruas pangkal tengah jari, termasuk pengudungan di sendi tulang tapak kaki-jari kaki	20
LAIN-LAIN KECEDEeraan TERTENTU:	
Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki	100
Hilang sebelah mata, tanpa kesulitan, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa ...	40
Hilang penglihatan sebelah mata, tanpa kesulitan atau cacat biji mata, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	30
Hilang penglihatan	100
LAIN-LAIN HILANG-UPAYA:	
Cacat parah pada muka	100
Pekak tuli	100

SUSUNAN 6

KADAR PENCEN TANGGUNGAN: ASKAR-LASKAR

(Peraturan 44 dan 49)
(Berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1976)

<i>Pangkat</i>	<i>Kadar sebulan (kematian tidak berkaitan dengan tugas)</i>		<i>Kadar sebulan (kematian berkaitan dengan tugas/ terbunuh dalam gerakan dalam pertempuran/ tugas semasa penerbangan)</i>	
	\$	c	\$	c
Pegawai Waran Kelas I	222	00	291	00
Pegawai Waran Kelas II	216	00	281	00
Setaf Sarjan	210	00	274	00
Sarjan	204	00	266	00
Koperal	188	00	258	00
Las Koperal-Prebet	192	00	250	00

SUSUNAN 7

KADAR GANJARAN ORANG TANGGUNGAN: ASKAR-LASKAR

(Peraturan 44 dan 49)
(Berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1976)

<i>Pangkat</i>	<i>Kematian tidak berkaitan dengan tugas</i>		<i>Kematian berkaitan dengan tugas</i>		<i>Terbunuh dalam gerakan dalam pertempuran/ tugas semasa penerbangan</i>	
	\$		\$		\$	
Pegawai Waran Kelas i	2,400		4,294		6,011	
	2,325		4,144		5,801	
Pegawai Waran Kelas II	2,250		4,013		5,618	
	2,175		3,881		5,434	
Setar Sarjan	2,100		3,750		5,250	
Sarjan	2,025		3,619		5,066	
Koperal						
Las Koperal/Prebet						
...						

SUSUNAN 8

KADAR DAN SYARAT PEMBERIAN PENCEN ORANG TANGGUNGAN

(Peraturan 42, 43 & 44)

(Berkuatkuasa mulai 1hb. Januari 1976)

Syarat	Pecahan daripada gaji akhir yang diterima oleh anggota
1. Kepada balu anggota selagi belum berkahwin dan berkelakuan baik...	1/4
2. Jika anggota yang mati meninggalkan balu yang mana pencen di bawah perenggan 1 diberi kepadanya bagi tiap-tiap seorang anak hingga seramai enam orang	1/24
3. Jika anggota yang mati tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen diberi kepada balu, bagi tiap-tiap seorang anak anggota hingga seramai dua orang	1/12
4. Mulai dari tarikh kematian balu yang mana pencen di bawah perenggan 1 diberi kepadanya bagi tiap-tiap seorang anak anggota yang mati hingga seramai enam orang	1/12
5. Jika ibu anggota yang mati bergantung sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya pada anggota itu untuk nafkah pada masa anggota itu mati, pencen kepada ibu selagi ia berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi: -- (1) Jika anggota yang mati tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen diberi kepada balunya atau (2) Jika simati meninggalkan balu yang mana pencen diberi kepadanya di bawah perenggan 1	1/4 1/8
6. Jika bapa anggota yang mati bergantung sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya pada anggota itu untuk nafkah pada masa anggota itu mati, pencen kepada bapa selagi ia berkelakuan baik dan tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi:- - (1) Jika anggota yang mati tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen diberi kepada balu dan ibunya sudah pun mati; atau (2) Jika simati meninggal balu yang mana pencen diberi kepadanya di bawah perenggan 1 dan ibunya sudah pun mati.	1/4 1/8

SUSUNAN 9

KADAR PENCEN TANGGUNGAN: PEGAWAI

(Peraturan 42 dan 43)
(Berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1976)

Pangkat					<i>Kadar sebulan kematian berkaitan dengan tugas/ terbunuh semasa dalam gerakan pertempuran/ dalam tugas semasa penerbangan</i>	
					\$	c.
Ketua Turus Angkatan Tentera	1,227	00
Jenderal	1,073	00
Leftenan Jenderal...	997	00
Mejar Jenderal	920	00
Brigadier Jenderal	843	00
Kolonel	872	00
Leftenan Kolonel	705	00
Mejar	633	00
Kaptan	557	00
Leftenan...	490	00
Leftenan Muda	413	00

SUSUNAN 10

KADAR GANJARAN ORANG TANGGUNGAN: PEGAWAI

(Peraturan 42 dan 43)
(Berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1976)

Pangkat					<i>Kematian berkaitan dengan tugas</i>	<i>terbunuh dalam gerakan pertempuran/ dalam tugas semasa penerbangan</i>
					\$	\$
Ketua Turus Angkatan Tentera	20,006	28,009
Jenderal	17,494	24,491
Leftenan Jenderal...	16,256	22,759
Mejar Jenderal	15,000	21,000
Brigadier Jenderal	13,744	19,241
...	12,506	17,509
Kolonel	11,250	15,750
Leftenan Kolonel	9,994	13,991
Mejar	8,756	12,259
Kaptan	7,500	10,500
Leftenan...	6,244	8,741
Leftenan Muda		

Diperbuat pada 6hb April 1982.
[KP. O. 813/86 Jil 3; PN (Terj) 150/4

DATO' MOHD. YUSOF BIN ABDUL RAHMAN,
Setiausaha Majlis Angkatan Tentera